

Jabir) Nabi s.a.w. ada berhutang denganku. (Selepas aku selesai bersembahyang) Baginda s.a.w. membayar hutang itu, malah dibayarnya lebih (daripada hutang asal).⁶⁴⁰

باب إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلْيَرْكَعْ رُكْعَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَجْلِسَ

33- Bab: Apabila Seseorang Daripada Kamu Masuk Ke Dalam Masjid, Dia Hendaklah Mengerjakan Sembahyang Dua Raka'at Sebelum Duduk.⁶⁴¹

layak dijadikan hujah oleh mereka kerana ia termasuk dalam واقعة عين لا عموم لها (peristiwa khusus atau peristiwa yang melibatkan peribadi semata-mata yang sama sekali tidak boleh dijadikan qaedah umum) atau termasuk dalam qaedah قيد اتفاقي yang juga tidak boleh dibuat sebagai suatu ketetapan hukum.

⁶⁴⁰ Daripada hadits Jabir yang ringkas ini dapat diambil tiga petunjuk, iaitu: (1) Pembayaran hutang lebih daripada hutang asal yang dipinjam tanpa ada sebarang perjanjian atau persetujuan terlebih dahulu tidak termasuk dalam riba yang diharamkan. Cara pembayaran seperti ini malah dipanggil القرض الحسن atau cara pembayaran hutang yang elok pada pandangan agama. (2) Nabi s.a.w. sentiasa memberikan panduan terbaik untuk dunia dan akhirat umatnya. (3) Kemurahan hati dan tangan Rasulullah s.a.w.

⁶⁴¹ Sekurang-kurangnya Imam Bukhari mahu menyatakan tujuh tujuannya menyusulkan bab ini selepas bab sebelumnya. **Pertama:** Bab sebelum ini diadakan oleh beliau untuk mengisbatkan (membuktikan adanya) sembahyang sunat kerana sampai ke rumah atau ke kampung halaman dari perjalanan, dan bab ini pula diadakan beliau untuk mengisbatkan (membuktikan adanya) sembahyang sunat tahiyatu al-masjid. Sembahyang yang pertama walaupun boleh dikerjakan di rumah tetapi mengerjakannya di masjid adalah lebih elok. Berbeza dengan sembahyang sunat tahiyatu al-masjid, kerana ia tidak boleh dibuat di rumah. Ia adalah sembahyang yang khusus dengan masjid. **Kedua:** Kedua-dua sembahyang itu sunat dikerjakan sebaik saja seseorang itu masuk ke dalam masjid. **Ketiga:** Sembahyang sunat kerana sampai ke rumah atau ke kampung halaman dari perjalanan dan sembahyang sunat tahiyatu al-masjid adalah dua sembahyang yang berlainan. **Keempat:** Bilangan raka'at kedua-dua sembahyang ini berdasarkan hadits Rasulullah s.a.w. adalah sama iaitu dua raka'at. **Kelima:** Kedua-dua sembahyang ini walaupun sunat tetapi ia berkait rapat dengan masjid berdasarkan سنة فعلية (sunnah berupa perbuatan) Nabi s.a.w. **Keenam:** Walaupun kedua-dua sembahyang ini sunat, namun ia amat ditekankan oleh Rasulullah. Ini bererti kedua-duanya termasuk dalam sembahyang sunat mu'akkad pada pandangan Bukhari. **Ketujuh:** Rasulullah s.a.w. tidak cuai dalam menyampaikan ajaran-ajaran agama Allah sama ada berkaitan dengan yang fardhu atau yang sunat. **Selain itu melalui bab ini** juga Bukhari mahu mengisyaratkan kepada pendapatnya serta perbezaan pendapat para 'ulama' berhubung dengan sembahyang tahiyatu al-masjid dalam enam perkara berikut ini: (1) Hukumnya, adakah ia sunat atau wajib? Mengikut jumhur 'ulama' ia sunat. Tetapi golongan Zahiriyah, Ibnu Daqiq al-'Id, asy-Syaukaani dan lain-lain berpendapat wajib. Ibnu Hazam az-Zahiri bagaimanapun sependapat dengan jumhur 'ulama' dalam masalah ini. (2) Adakah sembahyang tahiyatu al-masjid itu khusus dengan orang yang masuk ke dalam masjid dengan maksud mahu duduk di dalamnya atau ia merangkumi semua orang yang masuk ke dalamnya sama ada mahu duduk atau tidak? Imam Malik berpendapat ia khusus dengan orang yang masuk ke dalam masjid dengan maksud mahu duduk di dalamnya sahaja. Jumhur 'ulama' pula berpendapat tidak khusus, malah ia merangkumi semua orang yang masuk ke dalamnya sama ada mahu duduk atau tidak. (3) Adakah waktu sembahyang tahiyatu al-masjid itu akan luput dengan duduknya seseorang di dalam masjid atau tidak? Menurut Syafi'e dan Ahmad ia akan luput apabila seseorang duduk dengan sengaja atau duduk agak lama dengan terlupa. Abu Hanifah, Ibnu Abi Zi'b dan Malik pula berpendapat ia tidak luput dengan sebab duduk secara mutlaq, sama ada dengan sengaja atau lama duduknya. (4) Mengikut imam keempat-empat mazhab, ats-Tsauri, dan jumhur 'ulama' paling kurang raka'atnya ialah dua, walaupun Syafi'e dan Ahmad berpendapat ada sesetengah sembahyang sunat itu boleh dibuat dengan hanya satu raka'at sahaja. (5) Bolehkah atau tidak sembahyang tahiyatu al-masjid itu dikerjakan ketika khathib sedang berkhu'tbah? Qadhi Syuraih, Ibnu Sirin, Qataadah, an-Nakha'i, Abu Hanifah, Malik, al-Laits, ats-Tsauri dan jumhur salaf dari kalangan sahabat dan taabi'in berpendapat tidak boleh. Tiga orang Khulafaa' ar-Rasyidun iaitu 'Umar, 'Utsman dan 'Ali juga berpendapat tidak boleh. Abu Sa'id al-

٤٢٥ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ عَمْرِو بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الزُّبَيْرِ عَنْ عَمْرِو بْنِ سُلَيْمٍ الزُّرْقِيِّ عَنْ أَبِي قَتَادَةَ السَّلَمِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلْيَرْكَعْ رَكَعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يَجْلِسَ

Khudri, Jabir bin 'Abdillah, Hasan al-Bashri, Sufyan Ibnu 'Uyainah, Makhul, Syafi'e, Abu Tsauro, Ahmad, Ishaq, Ibnu al-Munzir dan kebanyakan ashaab al-hadits berpendapat sembahyang sunat tahiyiyatu al-masjid tetap elok dikerjakan pada ketika itu tetapi dengan ringkas. Selepas mengemukakan hadits Abu Sa'id al-Khudri yang bersembahyang tahiyiyatu al-masjid ketika imam (Marwaan) sedang berkhuthbah dan beliau berdalil dengan hadits Sulaik yang diperintah Rasulullah s.a.w. supaya bersembahyang dua raka'at ketika Baginda s.a.w. sedang berkhuthbah, Imam at-Tirmizi berkata: وَالْعَمَلُ عَلَى هَذَا عِنْدَ بَعْضِ أَهْلِ الْعِلْمِ وَبِهِ يَقُولُ الشَّافِعِيُّ وَأَحْمَدُ وَإِسْحَاقُ وَقَالَ بَعْضُهُمْ إِذَا دَخَلَ الْإِمَامُ يَخْطُبُ فِيهِ يَجْلِسُ وَلَا يُصَلِّي وَهُوَ قَوْلُ سُفْيَانَ الثَّوْرِيِّ وَأَهْلِ الْكُوفَةِ وَالْقَوْلُ الْأَوَّلُ أَصَحُّ

Bemaksud: Menurut sesetengah ahli ilmu, kita hendaknya ber'amal mengikut hadits ini. Inilah pendapat Syafi'e, Ahmad dan Ishaq. Sesetengah ahli ilmu (pula) berpendapat, jika seseorang masuk (ke dalam masjid) ketika imam sedang berkhuthbah, dia hendaklah duduk dan tidak boleh bersembahyang. Inilah pendapat Sufyan ats-Tsauro dan tokoh-tokoh 'ulama' Kufah. Pendapat pertama tadilah yang lebih sahih (betul). (6) Bolehkah atau tidak sembahyang tahiyiyatu al-masjid itu dikerjakan pada waktu-waktu yang dilarang Nabi s.a.w. kita bersembahyang? iaitu i- Selepas bersembahyang 'Ashar hingga terbenam matahari. ii- Selepas bersembahyang Subuh hingga terbit matahari. iii- Ketika betul-betul tengah hari. Syafi'e, Ibnu Taimiyyah, Ibnu al-Qaiyyim dan lain-lain mengatakan boleh. Jumhur 'ulama' pula termasuk imam-imam tiga mazhab selain mazhab Syafi'e dan golongan Zahiriyyah berpendapat tidak boleh. Imam Ahmad sependapat dengan Syafi'e cuma dalam masalah orang yang masuk ke dalam masjid ketika imam sedang berkhuthbah.

Berhubung dengan perkara (1) iaitu hukum sembahyang tahiyiyatu al-masjid. Pendapat Bukhari dalam masalah ini sama seperti pendapat jumhur 'ulama' bahawa ia bukan wajib tetapi sunat. Bagaimanapun ia adalah sunat mu'akkad di sisi beliau. Buktinya ialah Imam Bukhari meletakkan hadits Abu Qataadah ini juga nanti di bawah باب مَا جَاءَ فِي التَّطَوُّعِ مَثْنَى مَثْنَى (Bab Tentang Sembahyang Sunat Itu Dikerjakan Dua-Dua Raka'at). Jumhur 'ulama' tidak memakai perintah Nabi s.a.w. di dalam hadits di atas sebagai perintah wajib. Mereka hanya memakainya sebagai perintah sunat dan nadb (galakan yang menunjukkan elok) sahaja. sebabnya ialah terdapat banyak lagi riwayat yang menampakkan sembahyang tahiyiyatu al-masjid itu bukan wajib. Daripada zahir tajuk yang dibuat Bukhari dan hadits yang dikemukakan di bawahnya dapat diketahui Bukhari sependapat dengan Malik dalam perkara (2). Pendapat Bukhari berhubung dengan perkara (3) sama dengan pendapat Abu Hanifah, Ibnu Abi Zib, Malik dan lain-lain iaitu ia tidak luput dengan sebab duduk secara mutlaq, sama ada dengan sengaja atau lama duduknya. Buktinya ialah hadits Abu Qataadah dan hadits Jabir yang diriwayatkan oleh beliau sendiri dan akan dikemukakan nanti. Walau bagaimanapun adalah lebih baik dan lebih menepati sunnah mengerjakannya sebelum duduk. Dalam perkara (4) Imam Bukhari sependapat dengan jumhur 'ulama'. Beliau sendiri mengadakan bab bertajuk باب مَا جَاءَ فِي التَّطَوُّعِ مَثْنَى مَثْنَى (Bab Tentang Sembahyang Sunat Itu Dikerjakan Dua-Dua Raka'at). Tentang perkara (5) Imam Bukhari jelas sependapat dengan golongan yang membolehkannya. Buktinya ialah beliau mengadakan dua tajuk bab yang menyokong pendapat golongan ini iaitu باب إِذَا رَأَى الْإِمَامُ رَجُلًا جَاءَ وَهُوَ يَخْطُبُ أَمْرَهُ أَنْ يُصَلِّيَ رَكَعَتَيْنِ خَفِيفَتَيْنِ (Bab Apabila Imam Nampak Seseorang Baru Datang, Dia Hendaklah Menyuruhnya Bersembahyang Dua Raka'at) dan باب مَنْ جَاءَ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ صَلَّى رَكَعَتَيْنِ خَفِيفَتَيْنِ (Bab Orang Yang Datang Ketika Imam Sedang Berkhuthbah Hendaklah Bersembahyang Dua Raka'at Yang Ringkas). Di bawahnya beliau mengemukakan hadits Jabir ini, katanya: دَخَلَ رَجُلٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ فَقَالَ أَصَلَّيْتُ قَالَ لَا بِمَعْنَى رَكَعَتَيْنِ فَقَالَ فَمَ فَمَ رَكَعَتَيْنِ Bermaksud: Ada seorang lelaki masuk (ke masjid) pada (suatu) hari Juma'at ketika Nabi s.a.w. sedang berkhuthbah. Baginda s.a.w. terus bertanya dia: "Adakah engkau telah bersembahyang?" Jawab orang itu: "Tidak". Nabi s.a.w. pun berkata: "Kalau begitu bersembahyanglah (dahulu) dua raka'at." Berkenaan dengan perkara (6) Imam Bukhari sependapat dengan jumhur 'ulama'. Cuma bagi beliau dan Imam Malik, waktu yang dilarang kita bersembahyang itu bukan tiga tetapi dua sahaja iaitu selepas seseorang bersembahyang 'Ashar hingga terbenam matahari dan selepas bersembahyang Subuh hingga terbit matahari. Antara buktinya ialah beliau mengadakan باب مَنْ لَمْ يَكْرِهَ الصَّلَاةَ إِلَّا بَعْدَ الْعَصْرِ وَالْفَجْرِ (Bab Orang Yang Tidak Melarang Bersembahyang Kecuali Selepas 'Ashar Dan Fajar) dan beberapa bab lain yang berhampiran dengannya di bawah "Kitab Tentang Waktu-Waktu Sembahyang" nanti.

425- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada `Aamir bin `Abdillah bin az-Zubair daripada `Amar bin Sulaim al-Zuraqi daripada Abi Qataadah, bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, dia hendaklah mengerjakan sembahyang dua raka`at sebelum duduk.”⁶⁴²

⁶⁴² Hadits ini merupakan salah satu dalil dan hujah bagi golongan yang berpendapat sembahyang tahiyatu al-masjid itu adalah wajib. Alasan mereka ialah di dalamnya terdapat perintah Rasulullah s.a.w. supaya bersembahyang tahiyatu al-masjid sebelum duduk di dalam masjid. Perintah Baginda s.a.w. pada asalnya bererti wajib. Maka wajiblah ke atas setiap orang Islam yang masuk ke dalam masjid bersembahyang tahiyatu al-masjid sebanyak dua raka`at sebelum melakukan sesuatu yang lain di dalamnya. Antara dalil mereka lagi ialah hadits-hadits berikut ini: (1) Jabir bin `Abdillah r.a. meriwayatkan, katanya:

جَاءَ سَلَيْكُ الْعُظْفَانِي يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ فَجَلَسَ فَقَالَ لَهُ يَا سَلَيْكُ فَمَ فَرَكَعَ رَكْعَتَيْنِ وَتَجَوَّزَ فِيهِمَا ثُمَّ قَالَ إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَلْيَرْكَعْ رَكْعَتَيْنِ وَلْيَتَجَوَّزْ فِيهِمَا

Bermaksud: Pernah Sulaik datang pada hari Juma`at ketika Rasulullah s.a.w. sedang berkhuthbah. Dia terus duduk. Tetapi Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya: “Wahai Sulaik, bangun dan bersembahyanglah dua raka`at. Ringkaskanlah dua raka`at itu. Kemudian beliau s.a.w. bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu datang pada hari Juma`at ketika imam sedang berkhuthbah, dia hendaklah bersembahyang dua raka`at dengan ringkas.” (Bukhari, Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa`i, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Ahmad, Thabaraani, Daraquthni, Abu `Awaanah, Thahaawi dan Daarimi).

Kata mereka: “Bukankah kita dilarang bercakap ketika imam sedang berkhuthbah? Bukankah kita diperintah supaya mendengar khuthbah imam dengan teliti? Bagaimana pula Rasulullah s.a.w. menyuruh orang yang datang pada ketika imam sedang berkhuthbah, bersembahyang dua raka`at? Sudah tentulah kerana sembahyang dua raka`at tahiyatu al-masjid itu wajib. Sesuatu perkara wajib tidak boleh ditinggalkan kerana sesuatu perkara wajib yang lain. (2) Abu Qataadah r.a. meriwayatkan, katanya:

دَخَلْتُ الْمَسْجِدَ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَالِسٌ بَيْنَ ظَهْرَانِي النَّاسِ قَالَ فَجَلَسْتُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَرْكَعَ رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ تَجْلِسَ قَالَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ رَأَيْتُكَ جَالِسًا وَالنَّاسُ جُلُوسٌ قَالَ فَإِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلَا يَجْلِسُ حَتَّى يَرْكَعَ رَكْعَتَيْنِ

Bermaksud: Aku pernah masuk ke masjid ketika Rasulullah s.a.w. sedang duduk di hadapan orang ramai. Kata Abu Qataadah, lalu aku duduk. Maka Rasulullah s.a.w. bertanya: “Apakah yang menghalangmu daripada bersembahyang dua raka`at sebelum engkau duduk?” Kata Abu Qataadah, aku pun menjawab pertanyaannya dengan kataku: “Wahai Rasulullah! Saya tengok tuan duduk, orang-orang lain juga duduk.” Rasulullah (pun) bersabda: “Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, maka janganlah dia duduk sebelum bersembahyang dua raka`at.” (Bukhari, Muslim, Malik, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa`i, Ahmad, Daarimi dan lain-lain). kata mereka hadits ini juga jelas menunjukkan kewajiban sembahyang dua raka`at tahiyatu al-masjid. (3) Imam at-Tirmizi dengan sanadnya meriwayatkan:

أَنَّ أَبَا سَعِيدٍ الْخُدْرِيَّ دَخَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَمَرَّ أَنْ يَخْطُبَ فَقَامَ يُصَلِّيُ فَجَاءَ الْحَرَسَ لِيَجْلِسُوهُ فَأَبَى حَتَّى صَلَّى فَلَمَّا انْصَرَفَ أَتَيْنَاهُ فَقُلْنَا رَجِمَكَ اللَّهُ إِنْ كَادُوا لَيَقْعُوا بِكَ فَقَالَ مَا كُنْتُ لِأَتْرُكَهُمَا بَعْدَ شَيْءٍ رَأَيْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ ذَكَرَ أَنَّ رَجُلًا جَاءَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِي هَيْئَةِ بَذَّةٍ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ فَامَرَهُ فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ

Bermaksud: Bahawa pernah pada suatu hari Juma`at Abu Sa`id al-Khudri masuk (ke dalam masjid) ketika Marwaan sedang berkhuthbah. Dia terus berdiri untuk bersembahyang. Maka datanglah para pengawal untuk mendudukkannya tetapi beliau enggan dan terus bersembahyang. Apabila selesai bersembahyang, kami pergi menemuinya. Kata kami kepadanya: “Hampir-hampir mereka bertindak terhadap tuan. Abu Sa`id al-Khudri berkata: “Aku tidak akan meninggalkan dua raka`at sembahyang itu setelah aku (sendiri) melihat satu peristiwa yang berlaku kepada Rasulullah s.a.w. sendiri. Kemudian beliau menceritakan (peristiwa itu): “Sesungguhnya ada seorang lelaki datang pada suatu hari Juma`at dalam keadaan selekeh (teruk sangat keadaan pakaiannya). Pada ketika itu Nabi s.a.w. sedang berkhuthbah hari Juma`at. Baginda s.a.w. terus menyuruhnya bersembahyang dua raka`at. Maka bersembahyanglah dia dua raka`at dalam keadaan Nabi s.a.w. berkhuthbah.” (Tirmizi dan Ibnu Khuzaimah. Tirmizi mengatakan hadits ini hasan sahih).

Golongan ulama yang mengatakan sembahyang tahiyatu al-masjid bukan wajib tetapi sunat pula berhujah antaranya dengan hadits-hadits dan atsar-atsar berikut ini: (1) Thalhah bin 'Ubaidillah r.a. meriwayatkan, katanya:

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَهْلِ نَجْدٍ ثَابِرِ الرَّأْسِ يُسْمَعُ دَوِيُّ صَوْتِهِ وَلَا يُفْقَهُ مَا يَقُولُ حَتَّى دَنَا إِذَا هُوَ يَسْأَلُ عَنْ الْإِسْلَامِ . فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ . فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعٌ . قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصِيَامٌ رَمَضَانَ . قَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ؟ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعٌ . قَالَ وَذَكَرَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرِّكَاءَ . قَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا؟ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعٌ . قَالَ فَأَذْبَرَ الرَّجُلُ وَهُوَ يَقُولُ وَاللَّهِ لَا أَرِيدُ عَلَى هَذَا وَلَا أَنْقُصُ . قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفْلَحَ إِنْ صَنَعَ

Bermaksud: Pernah datang seorang lelaki penduduk Najd kepada Rasulullah s.a.w. dalam keadaan tidak terurus rambutnya, kami dapat mendengar dengung suaranya tetapi kami tidak memahami apa yang diucapkannya, sehinggalah dia menghampiri kami. Rupa-rupanya dia bertanya tentang Islam. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda : “Lima sembahyang (perlu ditunaikan dalam) sehari semalam”. Orang itu berkata : “Adakah apa-apa lagi yang wajib ke atas saya?”. Nabi s.a.w. bersabda : Tidak, kecuali jika kamu mahu melakukan sebagai sunat. Rasulullah s.a.w. berkata lagi: “dan berpuasa di bulan Ramadhan. Orang itu bertanya: “Adakah apa-apa lagi yang wajib ke atas saya?”. Nabi s.a.w. menjawab: “Tidak, kecuali jika kamu mahu melakukan sebagai sunat.” Perawi berkata, dan Rasulullah s.a.w. menyebutkan kepadanya tentang zakat. Orang itu bertanya: “Apakah tidak ada kewajiban lagi atas diriku selain yang disebut itu?”. Nabi s.a.w. menjawab: tidak, kecuali jika kamu mahu melakukan sebagai sunat. Perawi berkata: maka lelaki itu pun pergi sambil berkata: “Demi Allah, aku tidak akan menambah dan mengurangi apa-apa yang telah diwajibkan itu. Nabi s.a.w. pun bersabda: “Dia pasti berjaya, jika apa yang dikatakannya tadi benar-benar dilaksanakan.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Malik, Nasaa'i, Abu Daud, Ahmad, Baihaqi, Ibnu Khuzaimah, Darimi dan lain-lain). Hadits ini dengan jelas menunjukkan selain sembahyang lima waktu semua sembahyang yang lain adalah sunat bukan wajib. (2) 'Abdullah bin Busr meriwayatkan, katanya:

جَاءَ رَجُلٌ يَخْطِي رِقَابَ النَّاسِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اجْلِسْ فَقَدْ أَذَيْتَ وَأَنْتِ

Bermaksud: Pernah seorang lelaki datang dengan melangkah belakang orang ramai pada suatu hari Juma'at. Pada ketika itu Nabi s.a.w. sedang berkhuthbah. Baginda s.a.w. lantas berkata kepadanya: “Duduk! Sesungguhnya engkau telah menyakiti (orang ramai) dan telah terlewat.” (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Thabaraani, Abu Daud, Nasaa'i, Haakim, Baihaqi, Ibnu al-Jaarud dan lain-lain). Rasulullah s.a.w. langsung tidak bertanya orang berkenaan sama ada dia sudah bersembahyang dua raka'at tahiyatu al-masjid atau tidak. Beliau s.a.w. juga tidak menyuruhnya bersembahyang. Maka jelaslah berdasarkan hadits ini bahawa sembahyang dua raka'at tahiyatu al-masjid itu bukan wajib. (3) Anas bin Malik meriwayatkan, katanya:

بَيْنَمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِذْ جَاءَهُ رَجُلٌ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَطَطَ الْمَطَرُ فَادْعُ اللَّهَ أَنْ يَسْقِيَنَا فَدَعَا فَمَطَرْنَا فَمَا كُنَّا أَنْ نَصِلَ إِلَى مَنَازِلِنَا فَمَا زِلْنَا نُمَطِرُ إِلَى الْجُمُعَةِ الْمُقْبِلَةِ قَالَ قَامَ ذَلِكَ الرَّجُلُ أَوْ غَيْرُهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ادْعُ اللَّهَ أَنْ يَصْرِفَهُ عَنَّا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا قَالَ فَلَقَدْ رَأَيْتُ السَّحَابَ يَتَقَطَّعُ بَيْنَنَا وَشِمَالًا يُمَطِرُونَ وَلَا يُنْطَرُ أَهْلُ الْمَدِينِ

Bermaksud: Ketika Nabi s.a.w. sedang berkhuthbah pada suatu hari Juma'at, tiba-tiba datang kepadanya seorang lelaki. Dia lantas berkata: “Wahai Rasulullah, hujan sudah lama tidak turun, berdoalah kepada Allah supaya Dia menurunkan hujan kepada kita. Baginda pun berdoa. Lalu kami mendapat hujan sebelum lagi kami sampai ke rumah. Kami terus dihujani hingga ke hari Juma'at berikutnya.” Kata Anas: “Maka bangun pula orang itu atau orang lain seraya berkata: “Wahai Rasulullah! Berdoalah kepada Allah agar dialihkanNya hujan ini daripada kita.” Berdoalah pula Rasulullah s.a.w. “Ya Allah, biarlah hujan ini turun di kasan-kawasan sekitar kami, janganlah ia secara langsung menimpa kami.” Kata Anas: Selepas (doa Rasulullah s.a.w.) itu aku nampak awan berpecah-pecah ke kanan dan ke kiri. Orang-orang yang jauh (pula) dihujani. Orang-orang Madinah tidak lagi ditimpa hujan.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim dan lain-lain). Di dalam hadits ini tidak ada pun Nabi s.a.w. menyuruh orang yang datang itu bersembahyang dua raka'at tahiyatu al-masjid terlebih dahulu atau bertanya dia tentang sembahyang tahiyatu al-masjidnya. Sama ada pada hari Juma'at yang pertama atau hari Juma'at berikutnya. Ini jelas menunjukkan sembahyang itu tidak wajib bahkan ia sunat sahaja. (4) Hadits Ka'ab bin Malik yang panjang di mana beliau mengisahkan tentang ketinggalannya daripada ikut serta bersama Nabi s.a.w. dalam peperangan Tabuk. Di dalamnya tersebut antara lain kata-katanya ini: فجئته فلما سلمت عليه تبسم تبسم المغضب ثم قال ثعل فجئت أمشي حتى جلست بين يديه Bermaksud: Saya pun pergi kepadanya lalu memberi salam. Beliau s.a.w. tersenyum seperti senyum orang yang marah. Kemudian beliau berkata: ثعل (Mari). Saya terus pergi dan duduk di hadapannya.” Selepas Ka'ab mengakui kesilapannya dan bercakap dengan betul, Rasulullah s.a.w. bersabda: أَمَا هَذَا فَقَدْ صَدَقَ فَقُمْ حَتَّى يَقْضِيَ اللَّهُ فَيْكَ فَقُمْتُ فَفَضَيْتُ Bermaksud: Adapun dia ini, memang dia bercakap benar. Bangunlah (dan pergilah) sehingga Allah memutuskan (sesuatu) tentangmu. Saya pun bangun dan berlalu (dari situ). (Hadits riwayat Nasaa'i di dalam Sunannya). Di dalam hadits ini tidak tersebut

بَابُ الْحَدِيثِ فِي الْمَسْجِدِ

34- Bab Berhadats Di Dalam Masjid.⁶⁴³

langsung sama ada Nabi s.a.w. menyuruh Ka'ab bersembahyang tahiyatu al-masjid atau Baginda s.a.w. bertanya dia sama ada sudah bersembahyang atau belum. Ka'ab pula tidak menyebutkan dia bersembahyang terlebih dahulu apabila masuk ke dalam masjid sebelum bertemu Nabi s.a.w. Apabila Rasulullah s.a.w. menyuruhnya bangun dan pergi, terus bangun dan pergilah dia tanpa mengerjakan apa-apa sembahyang. Kerana itulah Imam Nasaa'i membuat tajuk begini: *الرخصة في الجلوس فيه والخروج منه بغير صلاة* (Keharusan duduk di dalam masjid dan keluar daripadanya dengan tidak mengerjakan apa-apa sembahyang), sebelum mengemukakan hadits Ka'ab tadi sebagai kesimpulannya. (5) Abu Hurairah meriwayatkan bahawa:

بَيْنَمَا هُوَ يَخْطُبُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِذْ دَخَلَ رَجُلٌ فَقَالَ غَمْرُ بْنُ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لِمَ تَحْتَسِبُونَ عَنِ الصَّلَاةِ فَقَالَ الرَّجُلُ مَا هُوَ إِلَّا أَنْ سَمِعْتُ النَّذَاءَ تَوَضَّأْتُ فَقَالَ لَمْ تَسْمَعُوا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا رَاحَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْجُمُعَةِ فَلْيَغْتَسِلْ

Bermaksud: Pernah ketika 'Umar sedang berkhutbah pada suatu hari Juma'at, tiba-tiba masuk seorang lelaki. 'Umar terus bertanya: "Kenapa lewat datang bersembahyang (Juma'at ini)?" Jawab orang itu: "Tidak, saya terus berwudhu' sebaik sahaja mendengar azan." Maka 'Umar berkata: "Bukankah kamu telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda: "Apabila seseorang daripada kamu hendak pergi bersembahyang Juma'at, dia hendaklah mandi?" (Hadits riwayat Bukhari, Malik, Muslim, Abu Daud, Tarmizi, Ahmad dan lain-lain). Di dalam hadits ini 'Umar bertanya orang yang tiba-tiba masuk ke masjid ketika beliau sedang berkhutbah tentang kelewatannya datang bersembahyang Juma'at. Beliau juga menegur orang itu kerana berpada dengan wudhu' sahaja tanpa mandi sebelum datang untuk bersembahyang Juma'at. Tidak ada pun tersebut di dalamnya pertanyaan 'Umar tentang sembahyang tahiyatu al-masjid atau suruhannya supaya bersembahyang tahiyatu al-masjid jika orang itu belum lagi bersembahyang!

(6) Ibnu Abi Syaibah meriwayatkan daripada 'Abdil 'Aziz bin Muhammad ad-Daraawardi daripada Zaid bin Aslam, katanya: Rasulullah s.a.w.

كَانَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُونَ الْمَسْجِدَ ثُمَّ يَخْرُجُونَ وَلَا يُصَلُّونَ قَالَ وَرَأَيْتُ ابْنَ عُمَرَ يَقْعَلُ

Bermaksud: "Para sahabat Nabi s.a.w. selalu masuk ke dalam masjid, kemudian mereka keluar dengan tidak bersembahyang." Katanya (Zaid bin Aslam) lagi: "Saya melihat Ibnu 'Umar (juga) melakukan begitu." Semua hadits dan atsar di atas dengan jelas menunjukkan sembahyang tahiyatu al-masjid adalah sunat bukan wajib. والله اعلم .

⁶⁴³ Yang dimaksudkan oleh Bukhari dengan katanya 'berhadats di dalam masjid' di sini ialah mungkin dengan sebab sekurang-kurangnya berlaku atau melakukan salah satu daripada perkara-perkara berikut ini: (1) Berkentut atau melepaskan kentut semata-mata di dalamnya. Hadats dengan erti ini telah diberikan oleh Abu Hurairah apabila beliau ditanya tentangnya. Walaupun Abu hurairah tentu sekali tidak membataskannya dengan kentut sahaja. [Sila lihat hadits no:132 di bawah Kitab al-Wudhu' yang lalu. Lihat juga nota no:6 di bawahnya.] (2) Berhadats kecil seperti berkentut, kencing dan sebagainya. Inilah hadats yang difahami oleh kebanyakan 'ulama' seperti Malik dan lain-lain iaitu berlaku atau melakukan sesuatu yang membatalkan wudhu' di dalam masjid. (3) Berhadats secara mutlaq, sama ada berhadats kecil atau berhadats besar. Ini ialah pendapat Bukhari dan orang-orang yang mengatakan, orang yang berhadats kecil dan berhadats besar boleh (harus) duduk dan berada di dalam masjid. Sebahagian hujah mereka dapat dilihat di dalam nota no:1 bab 30 yang lalu. (4) Melakukan sesuatu dosa, keburukan, kejahatan atau perkara yang tidak disenangi manusia atau malaikat di dalamnya. Hadats dengan erti ini dapat dilihat dalam penjelasan yang diberikan oleh Ibnu Abi Aufa bahawa ia ialah *حدث الإثم* (hadats kerana melakukan sesuatu dosa) atau *حدث السوء* (hadats kerana melakukan sesuatu perkara buruk atau perkara yang menyakiti dan tidak disenangi). Ia juga dapat difahami daripada hadits Muslim dengan lafaz: *ما لم يحدث فيه ما لم يؤذ فيه* (selagi ia tidak melakukan sesuatu hadats (perkara jahat atau buruk) di dalamnya, (iaitu) selagi ia tidak menyakiti (sesiapa) di dalamnya, apabila jumlah *ما لم يحدث فيه* dianggap sebagai tafsiran kepada jumlah sebelumnya iaitu *ما لم يؤذ فيه*. Di dalam bahasa 'Arab ia kiranya ditaqdirkan begini: *(أي أحد) ما لم يؤذ فيه (أي سوء) ما لم يحدث فيه*. Melalui bab ini Imam Bukhari mahu menyatakan beberapa perkara. Antaranya ialah: (1) 'Aqibat daripada berlaku atau melakukan empat perkara yang tersebut tadi berdasarkan perbezaan pendapat yang telah diberikan di atas. 'Aqibatnya ialah ia tidak akan mendapat lagi doa dan istighfar para malaikat yang sepatutnya diperolehi jika ia berada dalam keadaan suci tidak berhadats. (2) Keharusan berada di dalam masjid dalam keadaan berhadats kecil seperti berkentut dan lain-lain atau berhadats besar menurut ijhtihad

٤٢٦ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنِ الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَى أَحَدِكُمْ مَا دَامَ فِي مُصَلَّاهُ الَّذِي صَلَّى فِيهِ مَا لَمْ يُحْدِثْ تَقُولُ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ

426- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Abi az-Zinaad daripada al-A`raj daripada Abi Hurairah, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya para malaikat beristighfar dan memohon rahmat kepada Allah untuk seseorang daripada kamu selagi dia berada di tempat sembahyangnya dan selagi dia tidak berhadats.⁶⁴⁴ Para Malaikat itu berkata: “Ya Allah ampunilah dia, ya Allah rahmatilah dia.”⁶⁴⁵

beliau. Alasannya ialah Rasulullah s.a.w. hanya menyatakan `aqibat daripada perbuatan itu, Baginda s.a.w. tidak pula menyatakan ia boleh (harus) dilakukan atau tidak, melalui perintah atau larangannya. Secara tidak langsung ia membawa kepada qaedah البراءة الأصلية yang memberi erti harus. Paling berat kerana adanya `aqibat yang tersebut di dalam hadits itu ialah ia memberi erti خلاف الأولى atau kurang elok sahaja. (3) Menolak secara halus pendapat golongan yang melarang orang yang berhadats kecil sekalipun daripada memasuki masjid dan berada di dalamnya. Demikian kata al-Maziri. Antara tokoh `ulama' yang berpendapat demikian ialah Hasan al-Bashri dan Sa'id bin al-Musaiyyab. (4) Terdapat khilaf `ulama' tentang harus atau tidak orang yang berhadats masuk ke dalam masjid dan berada di dalamnya. Jumhur `ulama' dari kalangan salaf dan khalaf berpendapat harus. Antara tokoh salaf yang mengharuskannya ialah `Ali bin Abi Thalib, Abu ad-Dardaa', `Athaa' bin Abi Rabaah, an-Nakha'i dan Sa'id bin Jubair. (5) Ma'na tersirat di sebalik sabdanya s.a.w. 'selagi dia tidak berhadats', ialah seseorang seharusnya tidak berkeadaan busuk (rohani dan jasmaninya) ketika berada di dalam masjid dan tidak juga seharusnya membawa sesuatu yang berbau busuk kerana ia boleh menyakiti orang-orang yang berada di dalam masjid sama ada berupa manusia atau malaikat.

⁶⁴⁴ Sabda Nabi s.a.w. ini menunjukkan perkataan صلاة atau صلوات dalam penggunaan bahasa asalnya tidak khusus untuk Rasulullah s.a.w. dan rasul-rasul yang lain. Allah memerintahkan rasulnya supaya bershalawaat ke atas orang-orang yang mengeluarkan zakat di dalam al-Qur'an, firmanNya:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٤٦﴾

Bermaksud: Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengannya kamu membersihkan dan menyucikan mereka (daripada dosa dan sifat-sifat yang keji) dan doakanlah untuk mereka. Sesungguhnya doamu itu menenteramkan (jiwa) mereka. Allah Maha mendengar lagi Maha mengetahui. (At-taubah:103).

Rasulullah s.a.w. juga pernah bershalawaat ke atas keluarga Abi Aufa secara khusus dengan katanya: اللهم صل على آل أبي أوفى. Kerana itu sesetengah `ulama' mengatakan boleh (harus) bershalawaat ke atas selain nabi dan rasul. Tetapi berdasarkan uruf yang diterima pakai oleh jumhur Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah, ia khusus untuk para nabi dan rasul. Apa lagi setelah penggunaannya untuk selain nabi dan rasul menjadi syi'ar ahli bid'ah. Inilah yang dipegang oleh jumhur `ulama'. Bagi mereka makruh bershalawaat ke atas selain para nabi secara berasingan seperti dikatakan: اللهم صل على أبي بكر، اللهم صل على علي dan lain-lain. Adapun bershalawaat kepada selain nabi secara ikutan, itu tidak makruh seperti dikatakan: اللهم صل على محمد وآل محمد وأصحابه وأزواجه وذريته. Demikian juga hukum salam kepada selain para nabi, rasul dan para malaikat. Makruh dikatakan عليه السلام, kerana itu adalah satu daripada syi'ar Islam dan dengan memberi salam mengatakan عليكم السلام, kerana itu adalah satu daripada syi'ar Islam dan sunnah Nabi s.a.w. yang sedia dima'lumi. Tempat sembahyang yang dimaksudkan di sini ialah tempat sembahyangnya di masjid. Walaupun perkataan mushalla dalam ertinya yang umum tidak khusus dengan masjid. Tetapi hadits di atas memang bermaksud menyatakan kelebihan dan keistimewaan masjid. Hakikat ini dapat dilihat umpamanya di dalam riwayat bukhari sendiri di tempat lain daripada Abi Hurairah r.a. berkaitan dengan bersembahyang di masjid seperti di bawah ini. Dengan sanadnya Imam Bukhari meriwayatkan daripada Abi Hurairah, katanya: “Nabi s.a.w. bersabda:

صَلَاةُ الْجَمِيعِ تَزِيدُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ وَصَلَاتِهِ فِي سُوْقِهِ خَمْسًا وَعِشْرِينَ دَرَجَةً فَإِنْ أَحَدَكُمْ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ وَأَتَى الْمَسْجِدَ لَا يَرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ لَمْ يَخْطُ خُطْوَةً إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ بِهَا دَرَجَةً وَحَطَّ عَنْهُ خَطِيئَةٌ حَتَّى يَدْخُلَ الْمَسْجِدَ وَإِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ كَانَ فِي صَلَاةٍ مَا كَانَتْ تَحْبِسُهُ وَتُصَلِّيُ يَعْنِي عَلَيْهِ الْمَلَائِكَةُ مَا دَامَ فِي مَجْلِسِهِ الَّذِي يُصَلِّي فِيهِ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ مَا لَمْ يُخْبِتْ فِيهِ

Bermaksud: "Sembahyang seseorang dengan berjama'ah melebihi sembahyangnya di rumah dan sembahyangnya di pasar sebanyak dua puluh lima darjat. Sebabnya ialah apabila seseorang daripada kamu berwudhu' dengan elok dan pergi ke masjid tidak kerana lain selain untuk bersembahyang, maka tidak dilangkannya satu langkah melainkan Allah mengangkatnya dengan setiap langkah satu darjat dan dihapuskan daripadanya satu dosa sehinggalah dia masuk ke masjid. Apabila masuk ke dalam masjid dia dikira (mendapat pahala seperti) berada di dalam sembahyang selagi sembahyang menahannya (daripada keluar dari masjid), dan berselawatlah pula mereka-maksud Beliau s.a.w, para malaikat- untuknya selagi dia berada di tempat duduk di mana dia bersembahyang. (Kata para malaikat) Ya Allah! Ampunilah dia, ya Allah rahmatilah dia, selagi dia tidak berhadats di dalamnya." Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Sabda Nabi s.a.w. di dalam hadits di atas bahawa "selagi dia berada di tempat duduk di mana dia bersembahyang" itu adalah berdasarkan kebiasaan yang berlaku di dalam masjid apabila seseorang menunggu sembahyang. Jika seseorang menunggu sembahyang di dalam masjid sambil berdiri atau sambil berjalan-jalan di dalamnya, tetap juga ia dikira menunggu sembahyang." Para malaikat yang beristighfar dan meminta supaya orang berkenaan dirahmati itu, mungkin malaikat Hafadzah (malaikat yang ditugaskan menjaga manusia) atau malaikat Saiyyarah (malaikat yang sentiasa berkeliaran mencari majlis orang-orang yang mengingati Allah, majlis ilmu atau orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang baik dan istimewa di sisi agama) atau mungkin juga malaikat-malaikat lain yang berada di bumi atau di langit selain yang tersebut itu. Di dalam al-Quran Allah berfirman:

تَكَادُ السَّمَوَاتُ يَتَفَطَّرْنَ مِنْ فَوْقِهِنَّ وَالْمَلَائِكَةُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِمَنْ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿١٠١﴾

Bermaksud: 'Alam langit nyaris-nyaris pecah dari sebelah atasnya (kerana takutnya kepada kemurkaan Allah terhadap penduduk bumi yang lupa akan kebesaran Allah sehingga menyeleweng dari jalan yang benar) dan malaikat-malaikat bertasbih dengan memuji Tuhannya serta memohon ampun bagi orang-orang yang berada di bumi. Ingatlah! Sesungguhnya Allah, Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (As-Syura:5).

Di satu tempat yang lain Allah berfirman lagi:

الَّذِينَ يَحْمِلُونَ الْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ رَحْمَةً وَعِلْمًا فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا وَاتَّبَعُوا سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ ﴿١٠٢﴾

Bermaksud: Malaikat yang memikul (menanggung) 'Arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya, bertasbih memuji Tuhannya dan mereka beriman kepadaNya serta memohon ampun untuk orang-orang yang beriman (dengan berdoa merayu): "Wahai Tuhan kami! rahmatMu dan IlmuMu meliputi segala sesuatu, maka berilah ampun kepada orang-orang Yang bertaubat serta menurut jalanMu dan peliharalah mereka dari azab neraka. (Ghaafir:7). Walaupun kesemuanya mungkin benar tetapi kemungkinan benar malaikat Saiyyarah atau malaikat lain yang khusus ditugaskan untuk beristighfar dan meminta supaya orang berkenaan dirahmati itu, lebih besar lagi adanya berbanding yang lain-lain. Sebabnya ialah Rasulullah s.a.w. menyebutkan di dalam hadits di atas dua perkara yang dilakukan oleh mereka. Pertamanya Istighfar dan keduanya ialah memohon rahmat. Adapun malaikat yang memikul (menanggung) 'Arasy dan malaikat yang berada di atas langit mereka hanya beristighfar dan istighfar mereka pula merangkumi semua orang mu'min di setiap bahagian bumi. Ia tidak khusus untuk orang mu'min yang berada di dalam masjid dalam keadaan yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits yang sedang dibicarakan ini.

⁶⁴⁵ Antara pengajaran, panduan dan petunjuk yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Kelebihan dan keistimewaan masjid. Salah satu keistimewaannya yang ketara ialah ia merupakan tempat perhimpunan para malaikat di bumi ini. (2) Berhadats di dalam masjid walaupun diharuskan tetapi ia menghalang seseorang daripada mendapat istighfar para malaikat dan doa rahmat daripada mereka. (3) Orang yang berada di dalam masjid dianjurkan supaya sentiasa berada dalam keadaan suci zahir dan batin. (4) Salah satu cara yang senang untuk dihapuskan dosa dan dirahmati Allah ialah dengan berada di dalam masjid dalam keadaan suci sambil menunggu sembahyang (fardhu) selepas mengerjakan sesuatu sembahyang (fardhu yang lain). (5) Seseorang yang menunggu sembahyang (fardhu) di dalam masjid mendapat pahala seperti sedang bersembahyang di dalamnya. (6) Adanya perbezaan di antara istighfar dan rahmat. Istighfar berarti meminta supaya Allah menutup kesalahan dan dosa kita. Rahmat pula berarti meminta belas kasihan Allah dan limpah kurniaNya. (7) 'Aqidah percaya kepada malaikat adalah sesuatu yang benar. Ia adalah sesuatu yang sabit (terbukti ada) berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah. Hadits ini merupakan satu daripada sekian banyak hadits-hadits

بَابُ بُيَانِ الْمَسْجِدِ وَقَالَ أَبُو سَعِيدٍ كَانَ سَقْفُ الْمَسْجِدِ مِنْ جَرِيدِ النَّخْلِ وَأَمَرَ عُمَرُ بِنَاءَ الْمَسْجِدِ وَقَالَ أَمَّا النَّاسُ مِنَ الْمَطَرِ
وَيَاكَ أَنْ تُحْمَرَ أَوْ تُصَفَّرَ فَتَقْتَنِ النَّاسَ وَقَالَ أَسْرُبَا هَوْنَهَا ثُمَّ لَا يَعْمُرُونَهَا إِلَّا قَلِيلًا وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ لَزَخْرِقُهَا كَمَا زَخَرَقَتِ الْيَهُودُ
وَالنَّصَارَى

35- Bab Pembinaan Masjid (Nabi S.A.W.).⁶⁴⁶ Abu Sa'id Berkata: "Bumbung Masjid (Nabi S.A.W.) Daripada Pelepah Tamar."⁶⁴⁷ Umar Memerintah

Nabi s.a.w. yang menyokong `aqidah ini. (8) Para malaikat adalah makhluk Allah yang suci. Mereka berada di segenap pelusuk `alam semesta ciptaan Tuhan. Bilangan mereka sangat banyak. Antara kerja mereka ialah beristighfar dan mendoakan kebaikan untuk orang-orang yang berada di dalam masjid dengan sifat-sifat yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas. (9) Antara sifat malaikat yang disebutkan di dalam hadits ini ialah mereka sukakan tempat-tempat yang baik terutamanya masjid dan mereka tidak suka kepada kekotoran, kejahatan dan bau yang busuk. (10) Kita manusia muslim memerlukan kepada sokongan dan pertolongan malaikat dalam kehidupan ini untuk meringankan beban dosa dan mendapat lebih banyak rahmat Allah. (11) Umat Islam diajar bukan sahaja beradab dengan manusia, malah diajar juga supaya beradab dengan malaikat. (12) Sifat mengenang budi, tahu berterima kasih dan menghormati orang lain adalah salah satu ajaran Islam yang asasi. Kerana itulah umat Islam dianjurkan agar menghormati para malaikat yang amat banyak baktinya untuk kesejahteraan dan kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat.

⁶⁴⁶ Hafiz Ibnu Hajar dan al-Aini berpendapat maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menggambarkan fasa-fasa pembinaan masjid Nabi s.a.w. dan tujuan pembinaannya. Mengikut Ibnu Baththaal, tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menunjukkan bahawa sunnah Nabi s.a.w. dalam bab pembinaan masjid ialah bersederhana dan mengelak daripada sikap melampau dan berlebihan dalam mencantik dan meneguhkannya. Saiyyidina Umar walaupun telah menguasai sekian banyak wilayah-wilayah musuh Islam dan beliau mempunyai kemampuan daripada segi keewangan untuk membina masjid yang cantik dan hebat, beliau tetap tidak mengubah masjid Nabi s.a.w. Apa yang dilakukan oleh beliau hanyalah pembaikan dan pembaharuan semata-mata. Saiyyidina Utsman juga hanya menukar batu-bata (mentah) dengan batu-batu lain yang bercat. Bumbung daripada pelepah tamar ditukarnya hanya dengan kayu jati. Padahal kalau diambil kira kemampuan keewangan kerajaannya, beliau dapat membuat lebih hebat lagi dari itu. Semuanya tidak dilakukan oleh Abu bakar, Umar dan Utsman r.a. Tidak kerana lain melainkan kerana mereka menyedari Rasulullah s.a.w. suka bersederhana dalam segala hal. Baginda s.a.w. tidak suka berlebihan dan melampau walaupun dalam pembinaan masjid. Maulana Rasyid Ahmad Ganggoi berpendapat, Bukhari mengemukakan atsar-atsar yang zahirnya bercanggah dengan tajuk utamanya iaitu "Pembinaan Masjid" ialah untuk menyatakan hukum mengukir, mengecat, mencantik, meninggi dan meneguhkan masjid adalah terlarang jika ia dilakukan dengan maksud bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk. Ia juga terlarang jika menyebabkan orang-orang yang bersembahyang di dalamnya terleka dan terpesona dengannya. Tetapi tidak terlarang kalau bukan dengan maksud-maksud tadi dan tidak pula menimbulkan keburukan-keburukan yang lain seperti telah dilakukan oleh Saiyyidina Utsman r.a. di zaman pemerintahannya. Syeikhul hadits Maulana Zakariya pula berpendapat maksud Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah dua perkara. **Pertama:** Menyatakan kepentingan pembinaan masjid di dalam masyarakat Islam. Buktinya ialah antara perkara yang mula-mula sekali diberi perhatian oleh Rasulullah s.a.w. sebaik sahaja Baginda sampai ke Madinah ialah soal pembinaan masjid. **Kedua:** Mengosongkan binaan masjid daripada segala bentuk perhiasan, ukiran dan penggunaan bahan-bahan mewah melebihi had keperluan sehingga yang lebih menarik perhatian dan mempesonakan orang ramai ialah bangunannya bukan pengisian di dalamnya. Menurut Syeikh Zakariya atsar Anas dan Ibnu Abbaas tidak akan berma'na jika pembinaan masjid di dalam tajuk bab di atas dikhususkan dengan masjid Nabi s.a.w. semata-mata. Bagi penulis, (Semoga Allah mengampuninya) tajuk bab ini dibuat Bukhari untuk menyatakan apa yang perlu dijaga dalam pembinaan sesebuah masjid ialah niat dan keperluan. Niatlah yang menentukan nilai sesebuah masjid, bukan cantik hodohnya atau besar kecilnya. Tidak salah membuat masjid yang besar dan hebat jika niatnya ialah untuk menjaga kehormatannya dan memenuhi keperluan masyarakat. Umat Islam dalam rangka pembinaan masjid tidak terikat dengan rupa masjid nabi di peringkat awalnya. Kerana itulah Saiyyidina Umar dan Saiyyidina Utsman memperbesar dan memperluaskan masjid Nabi s.a.w. di zaman pemerintahan mereka apabila keadaan

Supaya Dibina Masjid Dan Beliau Berkata: Aku Mahu Melindungi Orang Dari Hujan, Tetapi Jangan Kamu Merahkan Atau Kuningkannya Sehingga Terpesona Pula Orang (Dengannya).⁶⁴⁸ Kata Anas: "Mereka Akan Berbangga-Bangga Pula Dengan Masjid-Masjid Itu, Kemudian Tidak Mema`murkannya (Menghidupkannya) Kecuali Sedikit Sahaja."<sup>649</sup> Ibnu `Abbaas Berkata: "Kamu Benar-Benar Akan Menghiasi Masjid Seperti Mana Orang-Orang Yahudi Dan Nashara Telah Menghiasi (Biara Dan Gereja Mereka)."⁶⁵⁰

memerlukannya. Tetapi kalau masjid dibina dengan cantik dan hebat dengan maksud menunjuk-nunjuk, bermegah-megah dan lain-lain tujuan duniawi, sudah tentulah itu bercanggah dengan tujuan asal pembinaan masjid yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.

⁶⁴⁷ Kata-kata Abu Sa'id ini adalah sebahagian daripada haditsnya berkenaan dengan malam Qadar. Imam Bukhari sendiri mewashalkannya di dalam Kitab al-I'tikaaf dan lain-lain melalui saluran riwayat Abi Salamah daripada Abi Sa'id r.a. Di dalam Bab-Bab Sembahyang Jema'ah juga nanti akan datang riwayatnya.

⁶⁴⁸ `Umar berkata begini ketika beliau bercadang memperbaharui masjid Nabi s.a.w. yang sebahagian besarnya telah buruk dan rosak di zaman pemerintahannya. Larangan `Umar daripada mengecat masjid mungkin difahaminya daripada perbuatan Rasulullah s.a.w. mengembalikan kepada Abi Jaham selimut yang dihadiahkannya kepada Baginda s.a.w. Rasulullah s.a.w. mengembalikan selimut itu kepada Abi Jaham tidak kerana lain melainkan kerana ia bercorak-corak dan menampakkan kemewahan dunia. Mungkin juga yang mendorong `Umar melarang orang mengecat masjid itu kerana beliau mempunyai pengetahuan khusus berhubung masalah ini.

⁶⁴⁹ Atsar Anas ini diwashalkan oleh Abu Ya'la di dalam Musnadnya dan Ibnu Khuzaimah di dalam Sahihnya melalui saluran riwayat Abi Qilaabah bahawa Anas berkata, aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: *يَأْتِي عَلَى أُمَّتِي زَمَانٌ يَتَبَاهَوْنَ بِالْمَسَاجِدِ وَلَا يَغْمُرُونَهَا إِلَّا قَلِيلًا* Bermaksud: "Akan datang suatu zaman kepada umatku. Mereka akan bermegah-megah dengan masjid-masjid tetapi tidak mema`murkannya kecuali sedikit." Hadist ini tidak sahih dengan lafaz ini. Di dalam isnadnya terdapat perawi dha'if bernama Saleh bin Rustam. Kunyahnya ialah Abu `Aamir al-Khazzaaz. Beliau dianggap dha'if kerana banyak terkeliru dalam periwayatannya. At-Thabaraani dengan isnad yang sama meriwayatkan hadits ini dengan sedikit perbezaan pada lafaznya iaitu *يَتَبَاهَوْنَ بِكَثْرَةِ الْمَسَاجِدِ* Bermaksud: Mereka bermegah-megah dengan banyaknya bilangan masjid. Riwayat yang sahih ialah yang dikemukakan oleh Abu Daud, Nasaa'i, Darimi, Ibnu Majah dan Ibnu Hibbaan melalui saluran yang lain daripada Abi Qilaabah daripada Anas daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: *لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ* Bermaksud: Kiamat tidak akan berlaku selagi manusia tidak berbangga-bangga dengan masjid. Bagaimanapun hadits yang pertama tadi lebih dekat lafaznya dengan lafaz yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab di atas. Maksud mema`murkan masjid yang tersebut di dalam hadits Anas ini ialah menghidupkannya dengan sembahyang, zikirillah, membaca al-Qur'an dan lain-lain pengisian yang berguna.

⁶⁵⁰ Demikianlah ta'liq ini diwashalkan oleh Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Abu Ya'la dan Ibnu Abi Syaibah melalui saluran riwayat Yazid bin al-Asham daripada Ibnu `Abbaas secara mauquf. Isnad Abu Daud, Ibnu Hibbaan dan Ibnu Abi Syaibah sahih mengikut syarat Muslim. Hadits ini termasuk dalam hadits *موقوف في حكم المرفوع* (hadits mauquf yang dikira seperti hadits marfu'). Selain atsar-atsar yang dikemukakan oleh Bukhari itu banyak lagi hadits-hadits dan atsar-atsar lain yang dengan lebih terang melarang umat Islam daripada berlumba-lumba membina masjid yang cantik-cantik dan kukuh teguh dengan maksud bermegah-megah. Ia juga mengancam mereka dengan bencana yang bakal menimpa, apabila mereka melupakan petunjuk yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w. berhubung dengan perkara ini. Walaupun kebanyakan hadits dan atsar itu tidak sahih tetapi ia saling menguatkan. Kenyataan yang berlaku di akhir zaman juga membuktikan kebenarannya. Hadits-hadits dan atsar-atsar itu antara lainnya ialah seperti berikut: (1) Ibnu `Abbaas meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: *مَا أُمِرْتُ بِتَشْيِيدِ الْمَسَاجِدِ* Bermaksud: "Aku tidak disuruh meninggi dan mengukuhkan masjid-masjid." (Hadits sahih ini diriwayatkan oleh Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Baihaqi, Thabaraani, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). (2) Ibnu Abi Syaibah dengan isnadnya meriwayatkan daripada Ubai bin Ka'ab, katanya: *إِذَا حُلِيتُمْ مَصَاحِفَكُمْ وَزَوَّجْتُمْ مَسَاجِدَكُمْ فَالْأَمَارُ عَلَيْكُمْ* Bermaksud: "Apabila kamu menghiasikan mushaf-mushafmu dan menyobek masjid-masjidmu, maka kebinasaanlah yang akan menimpamu." Atsar ini bertaraf hasan. Atsar yang sama dan lebih kurang sama lafaznya dengan atsar Ubai ini diriwayatkan juga daripada Abu Sa'id al-Khudri, Abu Hurairah, Abu Zar dan Abu ad-Dardaa' r.a. (3) Ibnu Majah, Abu Ya'la dan Abu Nu'aim di dalam kitab mereka masing-masing meriwayatkan daripada `Umar,